

Peranan Gendang dalam Hikayat Pahang

Gendang ialah sejenis alat muzik tradisional Melayu yang diperbuat daripada kayu bulat panjang yang berongga dan direntang dengan kulit serta mampu menghasilkan bunyi apabila dipukul. Gendang mempunyai variasi saiz dengan nama tersendiri, seperti rebana untuk gendang kecil dan redap untuk gendang bersaiz sederhana

dan besar. Menurut Mohamed Ghouse Nasruddin, hanya terdapat empat jenis gendang yang termasuk dalam ensembel muzik Melayu, iaitu gendang, gedombak, geduk dan rebana.

Walaupun gendang dikatakan mempunyai pengaruh daripada tradisi kebudayaan agama Hindu dari India, Mohamed Ghouse menjelaskan bahawa masyarakat Melayu kemudiannya telah

mengubahsuaikan penciptaan alat muzik tersebut sesuai dengan kebudayaan tempatan sehingga membentuk cirinya yang tersendiri. Pada suatu masa dahulu, gendang bukan sahaja menjadi alat kebesaran dan simbol kedaulatan dalam kesultanan Melayu, tetapi mempunyai peranan penting sebagai alat komunikasi bagi menyampaikan mesej tertentu kepada masyarakat.

Dalam *Hikayat Pahang*, misalnya, dipaparkan bahawa paluan gendang menjadi medium perantaraan yang menggambarkan mesej tentang hubungan diplomatik antara dua buah kerajaan. Paluan gendang digambarkan menjadi simbol penghormatan daripada seseorang raja Melayu untuk menyambut keribaan delegasi daripada kerajaan yang lain. Dalam suatu episod, Bendahara Seri Maharaja Ali dari Pahang disambut dengan paluan kompang oleh Sultan Lingga ketika dia tiba untuk meraikan majlis pengangkatan gelaran puteranya, Sultan Mahmud Muzaffar Syah. Perkara ini dijelaskan oleh pengarang menerusi petikan yang berikut, dalam *Hikayat Pahang* yang diselenggarakan oleh Kalchum Jeran:

Dua hari dua malam angkatan Datuk Bendahara Seri Maharaja Ali pun sampai(lah) ke Lingga, masuk dengan bebasnya. Sekaliannya memukul gong gendang. Maka kenaikan pun dilabuh sauh. Maka dengan segeranya Datuk Bendahara Seri Maharaja Ali berangkat naik ke darat diiringkan orang besar-besar, Perdana Menteri menghadap Yang Maha Mulia ke balairung: ...

Paluan gendang dalam situasi yang ditunjukkan dalam petikan tersebut memaparkan bentuk komunikasi bukan lisan masyarakat Melayu tradisional dalam konteks politik yang menggambarkan penghormatan yang diberikan oleh sesebuah kerajaan kepada tetamu bagi memperkukuh hubungan dua hala antara dua pemerintah kerajaan Melayu. Hal ini selaras dengan pandangan Abdul Latiff


Abu Bakar yang menyatakan bahawa gendang sememangnya telah menjadi alat komunikasi tanpa lisan yang digunakan bagi menjelaskan atau menyampaikan sesuatu mesej dalam konteks masyarakat Melayu zaman silam.

Perkara menarik yang ditemukan ialah dari aspek politik dan ketenteraan, *Hikayat Pahang* turut memaparkan peranan gendang sebagai medium untuk menaikkan semangat ketika berperang. Menurut Siti Zainon Ismail, dalam konteks masyarakat Melayu zaman silam, memang terdapat sejenis gendang yang dinamai genderang perang, iaitu sejenis gendang besar, atau dikenali sebagai tambur yang dipalu sewaktu orang Melayu menentang musuh. Dalam konteks ini, peranan gendang sebagai medium untuk menaikkan semangat berperang digambarkan dalam *Hikayat Pahang* melalui episod yang berikut:

Maka, Tok Kaya Temerloh dan Tok Kaya Chenor, Datuk Tuit dengan panglima hulubalangnya dan Haji Muhammad Nor (bin Haji Abdul Hamid) mudiklah dengan segeranya, dengan alat senjatanya melawan musuh yang datang itu, iaitu membuat kubu di darat Mengkarak menghadang Selampit berlawan dengan sekalian musuh yang datang itu. Maka berperanglah siang dan malam. Hatta tiada berhingga bunyi senapang serta dengan gendang, gong, serunainya, memberi garang sekalian

hati hulubalang dan Tok Kaya Temerloh dengan orangnya sangat garang perang kerana menunjukkan tulus ikhlasnya sebab perang yang dahulu itu tiada sempat bekerja. Inilah (ia) berbalas dan Tuan Mandak disabdakan mudik melihat segala orang besar-besar, macam satu saksi. Maka itu bertambah-tambah garangnya sekalian hulubalang melanggar musuh.

Petikan itu merupakan sebahagian daripada episod peperangan orang Temerloh mempertahankan kawasannya daripada dicerobohi oleh orang Chenor yang dipaparkan dalam



Hikayat Pahang. Dari suatu sudut, penggunaan gendang oleh orang Temerloh untuk menaikkan semangat ketika berperang menentang kemaraan orang Chenor tersebut merupakan strategi ketenteraan yang bijak untuk terus berjuang menentang musuh sehingga berjaya. Dalam konteks masyarakat zaman dahulu, *Hikayat Pahang* menjelaskan bahawa paluan gendang tersebut berperanan menghantar isyarat penting dari sudut psikologi, khususnya bagi membangkitkan semangat kepada tentera yang berjuang mempertahankan tanah airnya daripada diserang musuh. Perkara

masing-masing dan Tok Kaya Temerloh, raja pun menerima kasih kerana kebaktiannya.

Dalam aspek politik dan ketenteraan, peranan gendang tidak terhenti di situ sahaja. Cetera Ketiga Puluah *Hikayat Pahang* menggambarkan bahawa selain menaikkan semangat berperang, paluan gendang juga menyampaikan mesej penghargaan kepada pejuang tanah air yang telah berjaya menewaskan musuh di medan perang. Dalam suatu episod, pengarang menyisipkan detik gembira apabila angkatan perang Pahang, yang diketuai


Dalam *Hikayat Pahang*, misalnya, dipaparkan bahawa paluan gendang menjadi medium perantaraan yang menggambarkan mesej tentang hubungan diplomatik antara dua buah kerajaan. Paluan gendang digambarkan menjadi simbol penghormatan daripada seseorang raja Melayu untuk menyambut ketibaan delegasi daripada kerajaan yang lain.

ini jelas nyata dalam *Hikayat Pahang* kerana pada akhirnya, pengarang menggambarkan kejayaan orang Temerloh menewaskan kemaraan orang Chenor. Kejayaan tersebut digambarkan oleh pengarang dalam petikan yang berikut:

oleh Imam Perang Rasu, yang berjaya menewaskan angkatan Mendeheleleng, diraikan dengan paluan kompang sebagai tanda penghargaan atas kemenangan mereka menewaskan musuh. Perkara ini dijelaskan oleh pengarang melalui petikan yang berikut:

Maka, Imam Perang Rasu pun hilir. Setelah diberhentikan di Pulau Keladi, mudiklah angkatan dari Pekan, disambut dengan mulianya, dibawa hilir diarak dengan gong, gendang, disediakan dengan persalinan berjenis-jenis pakaian yang indah-indah dan ringgit tunai dan emas (dan) perak beribu-ribu dikurniakan.

Selain itu, *Hikayat Pahang* memaparkan bahawa gendang turut menggalas tanggungjawab besar dalam aspek sosiobudaya masyarakat Melayu zaman silam. Satu daripadanya ialah gendang sebagai alat muzik kebesaran diraja ketika majlis keramaian atau keraian di istana. Dalam hal ini, gendang



Kumpulan anak muda ini menjadi penyambung kesenian yang menuju kepupusan.

tiga kali, tiga hari. Kemudian berarak perahu dan (di) darat, tiadalah dapat diperikan besar arakannya. Mula-mula berlepas, dilumbakan orang sekalian perahu; berdayung sama berdayung, berkayuh sama-sama berkayuh; bertaruhkan ringgit beribu-ribu sekalian datuk-datuk. Kemudian baharulah berarak betul, diambil menora, makyung bawa berarak ke dalam perahu, dengan gong gendangnya, meriam dan lela, senapang pada sekalian perahu dimasukkan. Maka bunyinya mengarus awan dan demikianlah bunyi manusia di sungai dan (di) darat, tiadalah apalagi kedengaran dengan sorak tempik bunyinya.

Dalam situasi petikan tersebut, paluan gendang secara halus menghantar isyarat komunikasi yang membawa maksud mesej hiburan kepada masyarakatnya. Contoh senada boleh dilihat dalam Cetera Keempat Puluah Tujuh yang menggambarkan peranan gendang sebagai satu daripada alat muzik yang diperlukan bagi melaksanakan adat istiadat yang berkaitan dengan perkahwinan diraja. Bagi golongan raja, sebelum majlis perkahwinan dapat

dilangsungkan, terdapat beberapa pekerjaan yang harus diselesaikan lebih dahulu. Satu daripadanya ialah adat menghantar belanja. Adat atau kerja menghantar belanja ini perlu melalui proses tertentu dan diiringi persembahan tertentu, seperti menora dan makyung, yang memerlukan alat bunyi-bunyian atau alat muziknya yang tersendiri, termasuklah gendang. Perkara ini dapat dilihat menerusi petikan yang berikut:

Maka, (Yang Maha Mulia) Sultan Johor pun memohonlah balik dengan takzim kepada bondanya. Maka, Yang Maha Mulia Tengku Ampuan pun bersiaplah dengan segera sekalian jenis kelengkapan hendak menghantar belanja; tabak empat puluh sembilan tingkat, berastakona daun emas, batangnya perak sekalian jenis mutu-manikam, tepak bertajuk Sunting Ula-Ula; jumlahnya seratus tabak dan sekalian jenis alatan hantaran serba enam belas. ... Empat puluh hari genaplah sudah sekaliannya. Pada masa yang baik beraraklah Yang Maha Mulia Sultan Pahang dan (yang) menanti Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Hadir bersama-sama Yang Dipertuan Riau. Maka, apakala terdampar kerajaan yang kedua itu, tiadalah dapat diperikan. Segala jenis permainan, bunyi-bunyian, joget, menora, makyung dan seni wayang sehingga bertalu-talu bunyinya, apatah lagi bunyi suara manusia.

Persembahan menora dan makyung dalam petikan tersebut, dari sudut pandangan Mohd. Nizam Sahad dan Azmi Ariffin dalam kajian terhadap gendang Melayu di Pendang, Kedah, melihat bahawa permainan gendang dalam persembahan itu turut berfungsi sebagai penambat hati dan tempat berkumpulnya masyarakat Melayu. Dalam hal ini, dikatakan bahawa secara tidak langsung, permainan gendang dapat mengeratkan tali persaudaraan sesama masyarakat dan menjadi alat untuk berkenalan sesama masyarakat Melayu.

Demikianlah sepintas lalu tentang peranan gendang yang dapat disorot dalam *Hikayat Pahang*. Dalam konteks yang lebih luas, gendang mempunyai peranan yang besar dalam kehidupan masyarakat Melayu zaman bahari, bukan sahaja sebagai alat kebesaran dan simbol kedaulatan dalam kesultanan Melayu, tetapi sebagai alat komunikasi bagi menyampaikan mesej tertentu kepada masyarakat. Kajian lalu turut menunjukkan bahawa gendang bukan sahaja berperanan penting dari aspek hiburan, tetapi juga memberikan sumbangan yang tidak kurang hebatnya dalam pengukuhan aspek sosiobudaya, adat resam, kepercayaan, ekonomi, dan politik orang Melayu pada zaman silam. ⁰⁸